

# Masjid pertama guna jam matahari

Masjid Abdul Rahman Auf menjadi masjid pertama di Malaysia guna jam matahari bagi menentukan waktu solat, jam dan arah

Oleh SAIFULLAH AHMAD  
IPOH

**M**asjid Abdul Rahman Auf, Taman Rapat Koperasi di sini mencipta sejarah apabila menjadi masjid pertama di Malaysia memperkenalkan jam matahari yang dikenali sebagai rukhamah bagi menentukan waktu solat, jam dan arah.

Yang Dipertua Persatuan Peminat Ilmu Falak Islam Perak, Mahruzaman Misran berkata, penggunaan rukhamah tersebut membolehkan pihak masjid mendapatkan bacaan waktu yang tepat selain tidak terlalu bergantung kepada jam analog.

Menurutnya, model jam matahari tersebut dibangunkan oleh Persatuan Falak Syar'i Malaysia bersama-sama Universiti Teknologi Mara (UITM) yang turut mendapat pujian di peringkat antarabangsa.

"Jadi, Persatuan Ilmu Falak Islam Perak terpanggil untuk menyumbang se-



Mahruzaman menyempurnakan majlis pelancaran Jam Matahari di Masjid Abdul Rahman Auf, Taman Rapat Koperasi, Ipoh, Perak pada Rabu.

dikit untuk memperkenalkan jam matahari di Masjid Abdul Rahman Auf sebagai projek perintis untuk menjadi rujukan semua masjid dan surau negeri Perak. Saya rasa amat baik jika rukhamah ini ada di masjid-masjid.

"Ini adalah yang pertama di negeri Perak dan masjid pertama di Malaysia yang ada jam matahari.

"Sistem jam ini lebih tepat dan mempunyai pelbagai fungsi tetapi yang utama adalah menentukan arah, jam dan kiblat," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Pelancaran Jam

Matahari di Masjid Abdul Rahman Auf pada Rabu.

Hadir sama pada pelancaran tersebut, Pengerusi Masjid Abdul Rahman Auf, Dr Khairuddin Abdul Malek.

Mahruzaman yang juga Ahli Jawatankuasa Falak Perak berkata, kos bagi satu set lengkap rukhamah adalah RM2,700 dan hanya menggunakan cahaya matahari.

Rukhamah adalah salah satu jenis jam matahari yang digabungkan dengan tongkat istiwa (bayang-tiang) bagi mendapatkan waktu dan arah.